



SIARAN MEDIA **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

**“PTPTN SEDIAKAN KEMUDAHAN *DIRECT DEBIT ONLINE*.
PEMINJAM NIKMATI 10% DISKAUN ”**

1. **Kuala Lumpur, 6 Jun 2017** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengadakan **pengumuman *Direct Debit Online*** bagi kemudahan peminjam PTPTN dan pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).
2. Pengumuman dibuat oleh **YB. Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN**. Turut hadir **Encik Peter Schiesser, Pengarah Urusan, MyClear** dan **Encik Zury Rahimee bin Zainal Abideen, Ketua Deposit dan Pengurusan Tunai, Bank Islam Malaysia Berhad** dan **Encik Wan Ahmad bin Wan Yusoff, Ketua Eksekutif, PTPTN**.
3. ***Direct Debit*** merupakan salah satu platform atau saluran bagi memudahkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman mereka secara konsisten yang telah dilaksanakan oleh PTPTN dengan kerjasama MyClear dan Bank Islam mulai 2 November 2016 yang lalu. Ketika itu, permohonan ***Direct Debit*** dilaksanakan secara manual yang mana peminjam perlu melengkapkan Borang Permohonan ***Direct Debit*** secara fizikal yang terdapat di kaunter Pejabat PTPTN di seluruh negara sebelum dihantar kepada pihak bank untuk diproses. Namun begitu, kaedah ini agak rumit kerana kesilapan kecil semasa pengisian borang seperti perbezaan tandatangan akan menyebabkan permohonan tersebut ditolak.
4. Oleh itu, sebagai penambahbaikan, pada hari ini dengan sukacitanya saya mengumumkan bahawa permohonan ***Direct Debit*** telah boleh dilakukan oleh peminjam secara ***online***. Kini, peminjam PTPTN boleh membuat **permohonan *direct debit secara online*** melalui portal rasmi **www.ptptn.gov.my** dengan klik pada **icon ‘Permohonan *Direct Debit*’** di ruangan ‘Perkhidmatan Atas Talian’.

5. *Direct Debit Online* juga boleh dipilih oleh **pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)** sebagai pilihan utama bagi tujuan penambahan simpanan kerana kini, *Direct Debit* juga telah diperluaskan untuk tujuan penambahan simpanan SSPN-i.
6. Langkah ini merupakan usaha PTPTN untuk memberikan kemudahan dan manfaat kepada peminjam dan pendeposit SSPN-i. Dengan adanya *Direct Debit Online*, **kelulusan permohonan *direct debit* dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan kerana hanya diproses dalam masa tiga (3) hari bekerja.**
7. *Direct debit* merupakan penambahan saluran untuk bayaran balik pinjaman **PTPTN** selain saluran pembayaran sedia ada melalui perbankan internet, FPX, MyPay dan JomPay. **Ia juga merupakan saluran baharu untuk simpanan SSPN-i** selain saluran sedia ada melalui perbankan internet, debit terus, arahan tetap, *phone banking* dan ATM/CDM. Dengan kaedah **bayaran bulanan melalui *direct debit* dapat memastikan bayaran balik peminjam dan simpanan SSPN-i dilaksanakan secara konsisten pada setiap bulan.**
8. Sebanyak **17 buah bank** yang menyediakan kemudahan bayaran melalui *direct debit* dan ini **memberi lebih ruang dan pilihan kepada peminjam PTPTN untuk menggunakan bank pilihan mereka.**
9. Saluran bayaran balik melalui *direct debit* merupakan alternatif bayaran balik pinjaman bagi peminjam yang tidak berhasrat untuk membuat potongan gaji tetapi ingin membayar balik pinjaman secara konsisten setiap bulan. Ini akan dapat **mengelakkan berlakunya tunggakan sekali gus mengelakkan peminjam daripada dikenakan sebarang tindakan penguatkuasaan dan undang-undang di samping memastikan rekod baik di dalam CCRIS.**
10. Selain bayaran balik bulanan yang konsisten, **peminjam PTPTN juga akan layak menikmati diskaun sebanyak 10% jika membuat bayaran balik melalui kaedah *Direct Debit* ini.** Sebagaimana **pengumuman Bajet 2017, Diskaun 10%** diberikan kepada peminjam PTPTN yang **membuat bayaran balik melalui saluran potongan gaji atau *Direct Debit* mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan. Sehingga 30 April 2017, seramai 32,003 peminjam PTPTN telah**

menikmati **10% diskaun** kerana melaksanakan bayaran balik melalui **Direct Debit** melibatkan jumlah bayaran balik sebanyak **RM19.49juta** dengan jumlah diskaun sebanyak **RM1.95juta**.

11. Sejak diperkenalkan pada **Oktober 2016 sehingga April 2017**, jumlah terimaan bayaran balik pinjaman PTPTN yang menggunakan *direct debit* telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Dengan **kutipan permulaan sebanyak RM0.07 juta** dengan **bilangan transaksi sebanyak 442 sahaja**, ia telah **meningkat kepada RM7.38juta** dengan **bilangan transaksi sebanyak 57,010 transaksi dalam bulan April 2017**. Ini menunjukkan isyarat bahawa saluran ini telah mendapat tempat di kalangan peminjam dan diharapkan dengan kemudahan permohonan *Direct Debit Online* ini, lebih ramai akan memilih saluran ini.
12. Melalui kerjasama penambahbaikan ini, **1.97 juta peminjam PTPTN yang patut membuat bayaran balik pinjaman akan memperolehi kemudahan dan manfaat dalam melaksanakan tanggungjawab mereka**. Dengan kemudahan yang disediakan, peminjam PTPTN perlu merebut peluang memilih pembayaran melalui *Direct Debit* kerana ia hanya di hujung jari anda, dan permohonan hanya dibuat sekali sahaja, bayaran bulanan akan diuruskan oleh PTPTN dan bank.
13. Dengan penambahbaikan ini, PTPTN mensasarkan pengurangan pembayaran melalui kaunter yang akan sekali gus **meningkatkan bayaran balik melalui *direct debit* sehingga 10 % pada hujung tahun berbanding 1% sedia ada**.